

Kubur Islam, Kristian bercampur

NGO buat laporan polis, dedahkan wujud sindiket jual tapak kepada waris si mati terutama warga asing

■ NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Sebuah tanah perkuburan Kristian di Batu Arang di sini didakwa turut menguburkan jenazah beragama Islam selepas berlakunya sindiket dipercayai menjual tapak kepada waris si mati.

Aduan berkenaan hal ini dibuat oleh sebuah NGO yang kemudiannya membuat laporan polis.

Mereka mendakwa, harga sepetak yang dikenakan adalah RM5,000 yang kebanyakannya terdiri daripada warga asing beragama Islam.

Semalam, Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan meninjau kawasan tersebut dan mengesahkan perkara tersebut.

Menurutnya, terdapat dakwaan tanah berkenaan telah digazet sebagai tanah perkuburan bukan Islam, tetapi selepas disemak, ia masih berstatus milik kerajaan.

"Memang berlaku tanah perkuburan Kristian bercampur dengan



Nor Hisham menunjukkan lokasi tanah perkuburan Kristian di Batu Arang yang turut menguburkan penganut beragama Islam.

Islam dan terbaru pada 14 September lalu, melibatkan pengebumian seorang warga Nigeria yang beragama Islam.

"Dipercayai lebih 30 orang warga asing beragama Islam telah dikebumi-

kan di situ termasuklah dari Indonesia, Myanmar dan Vietnam," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, satu mesyuarat telah diatur Isnin ini dengan memanggil agensi berkaitan termasuklah Jabatan



Nor Hisham melihat kubur warga Nigeria beragama Islam yang baru dikebumikan pada 14 September lalu.

Agama Islam Selangor (Jais), imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk bincang perkara itu.

"Menjadi persoalan siapakah pihak bertanggungjawab membenarkan jenazah bukan warga Malaysia

dikebumikan di sini.

"Kita tiada maklumat sejak bila aktiviti tersebut dijalankan, namun perbincangan menjurus kepada langkah seterusnya melibatkan jenazah yang telah disemadi," katanya.